

Negara Islam perlu henti jual minyak, gas kepada Israel - Tun M

Dari muka 1

Sebaliknya, tegas beliau, tindakan fizikal perlu dilakukan segera.

“Ia termasuk sekatan ekonomi, tindakan boikot terhadap produk yang menyokong Israel dan sekatan bekalan minyak dan gas.

“Allah SWT mengurniakan begitu banyak sumber minyak kepada negara-negara Islam tetapi kita boleh nafikan bekalan agar mereka merasai kesannya,” katanya,

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar ‘Hentikan Sekatan Bantuan Kemanusiaan Dunia ke Gaza’ di sini semalam.

Dr. Mahathir berkata, selu-

ruh dunia perlu bersatu dan sepakat melakukan sekatan terhadap Israel dan bukannya hanya mengancam tindakan jenayah mereka sahaja.

Kata beliau, sama ada tindakan (boikot) ini berjaya atau sebaliknya namun, jika ia berjaya dilakukan pada skala global dan tidak mustahil syarikat berkenaan akan bankrap.

Media sebelum ini melaporkan, pemimpin Islam dan Arab mengutuk tindakan tidak bertamadun Israel di Gaza tetapi tidak akan memutuskan sebarang langkah mengenakan apa-apa tindakan ekonomi atau politik, susulan serangan ke atas Hamas.

Sidang Kemuncak Tergem-

par OIC di Riyadh, kelmarin sekali gus menonjolkan perpecahan dalam kalangan pemimpin wilayah Arab dalam menangani krisis yang mungkin akan membabitkan negara lain.

Pada masa sama, pemimpin OIC menuntut Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerima resolusi yang tegas dan mengikat, untuk menghentikan pencerobohan Israel.

Dalam perkembangan sama, Dr. Mahathir turut mengancam tindakan Amerika Syarikat yang menggunakan kuasa veto untuk menyekat PBB menghantar pasukan pengaman.

“Pasukan pengaman bertujan mengurangkan pembunu-

han tetapi di Gaza, AS tidak hantar sebab menggunakan kuasa veto di dalam PBB,” katanya.

Mengulas isu sama, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor menegaskan, hanya tindakan kekerasan menggunakan senjata yang boleh memaksa Israel berundur dari Gaza dan kawasan-kawasan yang ditaklukinya dalam peperangan bulan Jun 1967.

Katanya, ini kerana Israel tidak pernah menghiraukan keputusan PBB dan juga OIC berhubung gesaan gencatan senjata bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan segera ke Gaza.